

03/11/2003

Insinerator terus jadi persoalan

Salina Abdullah

BEKAS Perdana Menteri Tun Dr Mahathir Mohamad pernah membangkitkan penggunaan teknologi insinerator berikutan masalah urus sampah yang masih wujud di negara ini. Penghasilan sampah sarap oleh rakyat negara ini bukan saja semakin bertambah, malah kuantitinya lebih tinggi berbanding negara lain.

Setiap rakyat Malaysia menghasilkan kira-kira 800 gram sisa pepejal (sampah sarap) (purata 1.2 kilogram sehari bagi penduduk di Lembah Klang) atau 16,000 tan sampah di seluruh negara setiap hari. Ia bukan sikit, malah mampu memenuhi Menara Berkembar Petronas hanya dalam tempoh sembilan hari.

Cara pelupusan konvensional di tapak pelupusan sampah bukan lagi jalan penyelesaian. Lebih-lebih lagi hampir semua tapak pelupusan sedia ada ibarat hidup segan mati tak mahu. Nazak dan akan mati setahun saja lagi.

Namun, rakyat masih tidak mahu menerima hakikat ini dan apabila kerajaan mencadangkan penggunaan teknologi insinerator, mereka menolak. Cadangan asal membina loji insinerator di Kampung Bohol, Puchong, berakhir dengan perubahan lokasi ke Broga, Semenyih berikutan desakan orang ramai serta pertubuhan bukan kerajaan (NGO), kononnya ia mendedahkan mereka kepada bahaya keracunan.

NGO negara Barat juga tidak ketinggalan cuba 'masuk jarum' dan meracuni pemikiran rakyat. Mereka mendakwa Malaysia tidak pernah belajar daripada pengalaman orang lain.

Neil Tangri, Penyelaras Antarabangsa Penjagaan Kesihatan Tanpa Mudarat di Amerika Syarikat, berkata rakyat negara ini seharusnya mempelajari pengalaman buruk Amerika dengan tidak meneruskan rancangan menggunakan teknologi insinerator.

Katanya, ramai penduduk Amerika menderita pelbagai penyakit yang berpunca daripada bahan kimia yang dibebaskan loji insinerator.

Dioksin, furan dan merkuri menyebabkan mereka mandul dan menghidap kanser. Bahan kimia itu merosakkan sistem ketahanan badan dan mengganggu fungsi hormon lalu menyebabkan pelbagai jenis penyakit. Malah, kesan buruknya kepada alam sekitar menyebabkan lebih 4,000 daripada 6,000 insinerator di negara itu ditutup.

Dakwaan dan fakta palsu ini menjadi pertaruhan sekumpulan rakyat negara ini mendesak kerajaan 'tunduk kepada kemahuan mereka dan pindahkan loji itu ke tempat lain'. Mereka berjaya, tetapi ia sebenarnya satu kesilapan yang tidak seharusnya dilakukan kerana hari ini 'kejayaan' penduduk Kampung Bohol itu diharap berulang lagi.

Kejayaan Kampung Bohol kini dijadikan senjata oleh penduduk Broga dan pihak berkepentingan untuk sekali lagi menggagalkan pembinaan kemudahan berharga RM1.5 bilion dengan kapasiti 1,500 tan sehari.

Mungkinkah kita bakal menyaksikan sekali lagi loji ini berpindah lokasi. Ini baru satu lokasi. Bagaimana pula dengan loji yang dicadang dibina di Pulau Pinang dan Cameron Highlands. Adakah ia akan menerima nasib serupa.

Ia kini terus menjadi persoalan.

Dr Mahathir pada sidang akhbar 28 September lalu sekembalinya daripada lawatan ke London, Sweden, New York dan Monaco, menegur sikap rakyat negara ini yang kerap menolak langkah kerajaan walaupun ia untuk kebaikan semua.

"Buat macam mana pun tak kena sebenarnya. Macam hal bakar sampah juga. Tidak ada siapa yang nak ada tempat bakar sampah (insinerator). Tak apalah, kita tak payah kutip sampah, biar sampah di rumah mereka," katanya.

Bekas Perdana Menteri itu turut berkongsi pengalamannya mengenai sikap penduduk di Monaco.

"Saya lihat satu sikap di Monaco yang amat menarik. Monaco ada perlumbaan kereta Formula Satu (F1) di dalam bandar. Kita tahu perlumbaan

F1 ini cukup bising tetapi penduduk tak mengadu. Mereka tidak mengadu kerana ini satu acara yang menguntungkan. Mungkin tak untungkan semua daripada mereka tetapi menguntungkan industri pelancongan dan Monaco bergantung kepada industri pelancongan. Mereka tidak mengadu.

"Kalau kita, kapal terbang lalu atas pun dah marah. Kita orang kaya, kita tak boleh tahan semua ini...macam mana mereka boleh buat bising. Tapi

di Monaco... mereka tahu bising F1 buat banyak pusingan. Di Sepang, kita pun tahu, bunyi dia dahsyat tapi mereka (Monaco) terima," katanya.

Apa yang berlaku sebenarnya. Selain kurang pemahaman mengenai teknologi

insinerator itu sendiri, keberkesanannya untuk menangani masalah sisa pepejal dan kesannya kepada kesihatan serta keselamatan penduduk juga menjadi punca penentangan. Rakyat menentang kerana sindrom NIMBY - Not In

My Backyard. Mereka boleh menerima kemudahan itu dengan syarat ia tidak dibangunkan di kawasan mereka.

Walaupun kajian penilaian kesan alam sekitar (EIA) menunjukkan zon penampungan sejauh 500 meter sudah memadai untuk mendirikan loji berkenaan, mereka tetap tidak mahu menerima data saintifik ini. Mereka mahu kawasan ini didirikan jauh sehingga tujuh kilometer (km), 10 km dan sehingga ke 20

km dari kediaman mereka. Memang betul kerana ia jauh daripada mereka, tetapi mungkin dekat dengan penduduk lain.

Dalam satu soal selidik Berita Harian mengenai pengurusan sisa pepejal dan pembangunan loji insinerator tahun lalu, majoriti responden maklum bahawa negara kini berhadapan dengan masalah sampah sarap berlebihan.

Mereka juga tahu kebanyakan tapak pelupusan sampah sudah penuh dan tidak

mampu menampung sampah sarap yang semakin banyak. Justeru, mereka bersetuju bahawa teknologi insinerator adalah antara jawapan kepada masalah itu, selain kitar semula dan mahu ia dijayakan.

Bagaimanapun, majoriti tidak mahu loji insinerator dibina di kawasan kediaman mereka. Alasannya mudah. Bimbang kesan buruknya kepada

kesihatan

dan alam sekitar. Mereka bimbang loji akan menimbulkan masalah kesihatan (80.7 peratus daripada 83 responden), bau busuk (33.7 peratus), kesan kepada ekonomi (nilai hartanah jatuh 26.5 peratus), kesesakan lori pengangkut sampah (dijangkakan sebanyak 400 lori sehari keluar masuk ke kemudahan berkenaan 26.5 peratus) dan pencemaran bunyi (8.4 peratus).

Wajarkah kebimbangan ini. Benarkah insinerator akan menjejaskan kesihatan. Benarkah dioksin yang dibebaskan boleh menyebabkan kanser dan di mana kemudahan ini harus dibangunkan. Jika bukan di belakang rumah saya, pasti bukan di belakang rumah anda. Tetapi di mana. Pelbagai persoalan ditimbulkan.

Justeru, jika semua pihak berpendirian begini, pasti tidak akan ada satu

tempat pun yang akan dibangunkan untuk kemudahan ini. Maka, tidak mustahil

satu hari nanti kita akan tinggal dalam timbunan sampah.

Bagaimanapun, kerajaan tidak harus mudah mengaku kalah dan berputus asa,

apatah lagi tunduk dengan kemahuan sebahagian kecil rakyat. Ia kerana penentangan mereka hanya berasaskan input tidak tepat dan momokan pihak tertentu yang sememangnya tidak senang dengan idea kerajaan.

Paparan keberkesanan dan keselamatan insinerator di Jepun adalah satu langkah bijak mendidik rakyat mengenai kebaikannya. Loji itu bukan saja menyelesaikan masalah sampah sarap penduduk sekitar, malah dibangunkan dan

diselenggara dengan begitu baik sehinggakan ramai 'terlupa' bangunan yang

berjiran dengan mereka itu sebenarnya sebuah loji pelupusan sampah.

Keadaan serupa disaksikan di German. Lawatan penulis ke Augsburg, yang terletak antara 50 ke 60 kilometer ke tenggara Munich mendapati loji insinerator dibangunkan kurang satu kilometer daripada kawasan penempatan.

Dibina pada 1994 dengan kos kira-kira 300 juta euro (RM1.35 bilion) dan

kos operasi 64 juta euro (RM288 juta), loji itu melupuskan 200,000 tan sampah setahun, selain menghasilkan tenaga elektrik dan haba yang dibekalkan semula kepada kira-kira sejuta penduduk.

Lebih menarik, penjualan elektrik dan haba ini memberi pendapatan kira-

kira tiga juta euro setahun (RM13.5 juta) kepada pihak berkuasa tempatan yang mengendalikan insinerator berkenaan.

Pengurus Perhubungan Awam loji berkenaan, Sabine Schulz-Hammerl, berkata

pada peringkat awal, pihaknya menerima tentangan penduduk setempat, namun

keadaan berubah hasil penjelasan berterusan kepada penduduk.

"Malah, kami sentiasa mengalu-alukan kehadiran mereka ke loji ini bagi melihat sendiri bagaimana bersih dan selamatnya teknologi yang digunakan,"

katanya sambil menambah kira-kira 300 lori berulang-alik mengangkut sampah

ke loji berkenaan setiap hari.

Apa yang lebih penting, kata Sabine, lori itu menggunakan jalan khas untuk ke loji bagi memastikan ia tidak mengganggu keselesaan penduduk.

Loji rawatan sisa Augsburg itu adalah loji pelupusan sampah bersepadu. Selain kemudahan insinerator, loji rawatan di kawasan seluas 17.5 hektar itu turut menjalankan kegiatan pengasingan dan pengkomposan sampah.

Hakikat ini jugalah yang harus dijadikan panduan dan kayu pengukur oleh

kerajaan. Membangunkan sebuah bangunan dan menyediakan teknologi insinerator di bangunan itu mungkin mudah tetapi penyelenggaraannya akan menguji keupayaan kerajaan memaju dan mempopularkan teknologi itu di negara ini.